



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**ANALISIS KESALAHAN TATABAHASA BAHASA MELAYU DI  
KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH AGAMA ATAS**

**MUHAMMED SALEHUDIN BIN AMAN**

**FPP 1993 2**



**ANALISIS KESALAHAN TATABAHASA  
BAHASA MELAYU DI KALANGAN PELAJAR  
SEKOLAH MENENGAH AGAMA ATAS**

Oleh

**MUHAMMED SALEHUDIN BIN AMAN**

**Tesis Yang Dikemukakan Sebagai Memenuhi Sebahagian  
Daripada Syarat Keperluan Untuk Ijazah  
Master Sains di Fakulti Pengajian Pendidikan,  
Universiti Pertanian Malaysia.**

**APRIL 1993**



## **PENGHARGAAN**

Penulis bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana akhirnya, tesis ini berjaya disiapkan. Banyak pihak telah membantu dalam menyempurnakannya. Penulis sangat berhutang budi dan ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada mereka, terutama:

Jawatankuasa Penyeliaan, iaitu Profesor Dr. Abdul Hamid Mahmood (Pengerusi), Prof. Madya Dr. Haji Amat Juhari Moain dan Dr. Noran Fauziah Yaakub kerana nasihat, bimbingan dan tunjuk ajar yang diberikan sepanjang penyelenggaraan tesis ini. Kesabaran, minat dan dedikasi mereka dalam melaksanakan tugas ini sangat penulis hargai. Semoga Allah membalas segala jasa baik mereka itu.

Kementerian Pendidikan Malaysia, khususnya Bahagian Biasiswa dan Bahagian Pendidikan Guru kerana memberikan peluang kepada penulis melanjutkan pelajaran di peringkat sarjana.

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, dan Jabatan Pendidikan Negeri Melaka kerana membenarkan penulis menjalankan kajian di SMKA Sultan Muhammad, Batu Berendam, dan di SMKA Sharifah Rodziah, Teluk Mas, Melaka.

Pengetua-pengetua, guru-guru dan pelajar-pelajar Tingkatan Empat SMKA Sultan Muhammad dan SMKA Sharifah Rodziah kerana memberikan kerjasama yang sangat baik.



Lembaga Peperiksaan Malaysia, Unit Peperiksaan Jabatan Pendidikan Negeri Melaka kerana kerjasama dan maklumat-maklumat yang diperlukan dalam kajian ini.

Puan Hajah Kalthum Mohamad (Pengetua MPPM) dan Tuan Haji Abd. Kadir Haji Md. Amin (Ketua Jabatan Pengajian Melayu, MPPM) kerana dorongan, galakan dan bantuan yang diberikan.

Pensyarah-pensyarah di Jabatan Bahasa dan Fakulti Pengajian Pendidikan UPM, rakan-rakan program Master Sains di UPM, rakan-rakan di MPPM, Melaka dan sesiapa sahaja kerana turut menyumbang dan membantu secara langsung atau tidak dalam menyempurnakan tesis ini.

Akhir sekali, isteri tersayang, Badariah Haji Hassan dan anak-anak yang dikasihi, Asyraf, Nadzrah, Atifah dan Zukhairi yang sentiasa memberikan inspirasi dan dorongan, serta mendoakan kejayaan penulis. Kepada mereka semua, penulis mengabadikan tesis ini.



## JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
PENGHARGAAN .....	ii
SENARAI JADUAL .....	vii
SENARAI RAJAH .....	x
SENARAI SINGKATAN .....	xi
ABSTRAK .....	xii
ABSTACT .....	xv
BAB	
1 PENDAHULUAN .....	1
Latar Belakang .....	1
Pernyataan Masalah .....	4
Kepentingan Kajian .....	5
Soalan-soalan Kajian .....	6
Objektif Kajian .....	7
Batasan Kajian .....	8
Huraian Konsep .....	11
Bahasa Melayu .....	11
Tatabahasa .....	11
Penguasaan Tatabahasa .....	12
Kesalahan Bahasa .....	13
Kesalahan Bahasa Melayu .....	13
Analisis Kesalahan .....	14
Sekolah Menengah Kebangsaan Agama .....	14
II SOROTAN LITERATUR .....	16
Model-model Teoritis Analisis Bahasa .....	18
Teori Linguistik Deskriptif .....	18
Teori Linguistik Behaviurisme .....	19
Teori Transformasi Generatif .....	20
Pandangan Am tentang Analisis Kesalahan .....	21
Kesalahan Morfologi .....	25
Kesalahan Penggunaan Imbuhan .....	26
Kesalahan Penggunaan Kata .....	29
Kesalahan Bentuk Kata .....	29
Kesalahan Penggunaan Golongan Kata Tertentu .....	31
Kesalahan Sintaksis .....	34
Kesalahan Bahasa Kumpulan Jantina .....	38
Kesalahan Bahasa Kumpulan SSE .....	39



	<b>Halaman</b>	
III	KAEDAH DAN TATACARA PENYELIDIKAN .....	41
	Kerangka Teoritis .....	41
	Rancangan Penyelidikan .....	43
	Hipotesis .....	43
	Pembolehubah Sandar .....	45
	Pembolehubah Bebas .....	45
	Jantina .....	45
	Status Sosioekonomi (SSE) .....	45
	Pencapaian BM SRP .....	46
	Instrumentasi .....	46
	Ujian Karangan .....	46
	Soal Selidik .....	48
	Rekabentuk Penyelidikan .....	50
	Tempat Kajian .....	51
	Persampelan .....	53
	Prosedur Mendapatkan Data .....	54
	Prosedur Mengumpulkan Maklumat .....	54
	Penentuan Kesalahan .....	54
	Jenis-jenis Kesalahan Tatabahasa yang Dikaji .....	55
	Cara Menandakan Kesalahan .....	65
	Pemprosesan dan Penganalisisan Data .....	66
IV	INTERPRETASI DATA DAN PERBINCANGAN HASIL KAJIAN .....	68
	Pendahuluan .....	68
	Analisis Kesalahan Tatabahasa Secara Keseluruhan .....	69
	Analisis Jenis-jenis Kesalahan Tatabahasa .....	69
	Analisis Kekekapan Kesalahan Tatabahasa Bagi Ujian Karangan 1 dan Ujian Karangan 2 .....	78
	Perbandingan Kesalahan Tatabahasa Kumpulan-kumpulan Pelajar .....	86
	Kesalahan Tatabahasa Menurut Jantina .....	86
	Kesalahan Tatabahasa Menurut SSE .....	100
	Kesalahan Tatabahasa Menurut PBM SRP .....	116
	Analisis Soal Selidik .....	129
	Latar Belakang Bahasa dan Penggunaan BM di Kalangan Pelajar .....	130
	Contoh-contoh Kesalahan Tatabahasa yang Ketara .....	141
	Kesalahan Jenis Kata .....	141
	Kesalahan Struktur Ayat .....	162

	<b>Halaman</b>
V KESIMPULAN DAN CADANGAN .....	188
Pendahuluan .....	188
Kesimpulan .....	188
Cadangan .....	194
Cadangan-cadangan untuk Mengatasi Kelemahan .....	194
Cadangan untuk Kajian Selanjutnya .....	200
 BIBLIOGRAFI .....	 204
LAMPIRAN	
A Surat Menyurat .....	213
B Soalan Ujian Karangan 1 & 2 .....	217
C Soal Selidik .....	220
D Contoh-contoh Kesalahan Tatabahasa .....	228
E Ke kerap an Kesalahan Kata Kumpulan Pelajar Lelaki dan Perempuan an dalam Ujian Karangan 1 dan Ujian Karangan 2	252
 LATAR DIRI .....	 261



## SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1	Analisis Keputusan Bahasa Malaysia Peperiksaan SRP 1988-1990 .....	3
2	Analisis Keputusan Bahasa Malaysia Peperiksaan SPM 1988-1990 .....	3
3	Kekerapan Kesalahan Tatabahasa Dalam Karangan 1 Dan Karangan 2 .....	70
4	Kekerapan Kesalahan Tatabahasa Secara Keseluruhan Menurut Jenisnya .....	70
5	Kekerapan Kesalahan Tatabahasa Secara Keseluruhan Menurut Jenis-jenis Kesalahan .....	72
6	Kekerapan Kesalahan Tatabahasa Dan Jenisnya Bagi Ujian Karangan 1 .....	80
7	Kekerapan Kesalahan Tatabahasa Dan Jenisnya Bagi Ujian Karangan 2 .....	81
8	Kedudukan Kesalahan Tatabahasa Yang Dipuratakan Daripada Ujian Karangan 1 Dan Ujian Karangan 2 .....	82
9	Kekerapan Kesalahan Kata Kumpulan Pelajar Lelaki Dalam Ujian Karangan 1 Dan Ujian Karangan 2 .....	87
10	Kekerapan Kesalahan Ayat Kumpulan Pelajar Lelaki Dalam Ujian Karangan 1 Dan Ujian Karangan 2 .....	88
11	Kekerapan Kesalahan Kata Kumpulan Pelajar Perempuan Dalam Ujian Karangan 1 Dan Ujian Karangan 2 .....	90
12	Kekerapan Kesalahan Ayat Kumpulan Pelajar Perempuan Dalam Ujian Karangan 1 Dan Ujian Karangan 2 .....	91
13	Ujian T Bagi Kesalahan Tatabahasa (Kata Dan Ayat) Menurut Jantina .....	93



<b>Jadual</b>	<b>Halaman</b>
14 Perbandingan Kesalahan Kata Menurut Jantina .....	94
15 Perbandingan Kesalahan Ayat Menurut Jantina .....	97
16 Ujian t Bagi Kesalahan Ayat Menurut Jantina .....	100
17 Bilangan Pelajar Lelaki Dan Perempuan Kumpulan SSE Tinggi, Sederhana Dan Rendah .....	101
18 Kekurangan Kesalahan Kata Kumpulan SSE Lelaki .....	102
19 Kekurangan Kesalahan Ayat Kumpulan SSE Lelaki .....	104
20 Kekurangan Kesalahan Kata Kumpulan SSE Perempuan .....	106
21 Kekurangan Kesalahan Ayat Kumpulan SSE Perempuan .....	108
22 Kekurangan Kesalahan Tatabahasa Menurut SSE .....	111
23 Bilangan Pelajar Lelaki Dan Perempuan Kumpulan PBM Tinggi, Sederhana Dan Rendah ....	117
24 Kekurangan Kesalahan Kata Kumpulan PBM Lelaki .....	118
25 Kekurangan Kesalahan Ayat Kumpulan PBM Lelaki .....	120
26 Kekurangan Kesalahan Kata Kumpulan PBM Perempuan .....	121
27 Kekurangan Kesalahan Ayat Kumpulan PBM Perempuan .....	123
28 Kekurangan Kesalahan Tatabahasa Kumpulan PBM Lelaki Dan Kumpulan PBM Perempuan .....	124



<b>Jadual</b>		<b>Halaman</b>
29	Masa Pembelajaran Bahasa Melayu Satu Minggu Dalam Kelas Persediaan .....	131
30	Masa Pembelajaran Bahasa Melayu Pelajar Dalam Satu Minggu .....	133
31	Kekerapan Dan Bilangan Pelajar Yang Menerima Latihan Dalam Aspek-aspek Tatabahasa yang Dikaji .....	134

## SENARAI RAJAH

Rajah	Halaman
1 Kerangka Teoritis Kajian .....	42



## SENARAI SINGKATAN

B1	=	Bahasa pertama
B2	=	Bahasa kedua
BI	=	Bahasa Inggeris
BM	=	Bahasa Melayu
Hlm.	=	Halaman
K	=	Kekerapan
KBSM	=	Kurikulum
KLSM	=	Kurikulum Lama Sekolah Menengah
KPM	=	Kementerian Pendidikan Malaysia
PBM	=	Pencapaian Bahasa Melayu (Malaysia)
PK	=	Purata kesalahan
SMKA	=	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
SMKASM	=	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sultan Muhammad
SMKASR	=	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sharifah Rodziah
SP	=	Sukatan Pelajaran
SPM	=	Sijil Pelajaran Malaysia
SPBM	=	Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu (Malaysia)
SPM	=	Sijil Pelajaran Malaysia
SRP	=	Sijil Rendah Pelajaran
SPSS	=	The Statistical Package for the Social Science
SSE	=	Status Sosioekonomi
TB	=	Tatabahasa
X	=	min atau purata
*	=	Kata, frasa, klausa atau ayat yang salah tatabahasanya

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Pertanian  
Malaysia sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat-syarat keperluan  
ijazah Master Sains

**ANALISIS KESALAHAN TATABAHASA BAHASA MELAYU  
DI KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH AGAMA**

Oleh

**MUHAMMED SALEHUDIN AMAN**

**APRIL 1993**

Pengerusi:     Profesor Abdul Hamid Mahmood, Ph.D.

Fakulti     :     Pengajian Pendidikan

Penyelidikan ini cuba mendapatkan data tentang kesalahan tatabahasa (TB) bahasa Melayu (BM) yang dilakukan oleh pelajar Melayu di Tingkatan Empat di dua buah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di negeri Melaka. Tujuannya ialah untuk mengenal pasti jenis-jenis dan kekerapan kesalahan TB yang dilakukan oleh mereka.

Data kajian dikumpul dengan menggunakan dua kaedah, iaitu ujian menulis dua buah karangan bagi tujuan untuk mengenal pasti kesalahan TB dalam aspek kata dan ayat, dan soal selidik untuk mendapatkan maklumat tentang pembelajaran BM pelajar.

Daripada 300 buah karangan yang jumlah perkataannya tidak kurang daripada 45,000 patah, didapati pelajar melakukan sebanyak 2,402 kesalahan. Purata kesalahan bagi setiap pelajar ialah 32.4 kali, yakni 18.8 kesalahan dalam aspek kata dan 13.6 kali dalam aspek ayat. Purata kesalahan bagi setiap orang pelajar dalam setiap karangan ialah 16.2 kali.



Daripada jumlah keseluruhan 2,402 kesalahan TB, kesalahan dalam aspek kata berjumlah 1,946, yakni 81.0% manakala dalam aspek ayat pula, jumlah kesalahan ialah 456 atau 19.0%. Kumpulan pelajar lelaki membuat 1,319, iaitu 54.9% kesalahan sementara kesalahan yang dilakukan oleh kumpulan pelajar perempuan ialah 1,083, iaitu 45.1%. Pelajar lelaki juga melakukan sebanyak 1,063 kesalahan dalam aspek kata, dan sebanyak 256 dalam aspek ayat. Kumpulan pelajar perempuan membuat sebanyak 883 kesalahan dalam aspek kata dan sejumlah 200 kesalahan dalam aspek ayat. Hasil perkiraan ujian-t memperlihatkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan tentang kesalahan TB antara kedua-dua kumpulan tersebut.

Kumpulan Status Sosioekonomi (SSE) rendah paling tinggi kekerapan kesalahan, iaitu 1,213. Walau bagaimanapun, keputusan ANOVA tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan bagi kesalahan antara kumpulan SSE tersebut.

Kumpulan Pencapaian BM (PBM) yang paling tinggi kekerapannya ialah kumpulan PBM tinggi, iaitu sebanyak 1,320 kekerapan. Keputusan ANOVA menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan kesalahan TB di kalangan tiga kumpulan PBM.

Dalam aspek kesalahan kata, didapati bahawa pelajar lemah menggunakan lima jenis kata, iaitu imbuhan, kata depan/sendi nama, kata ganti diri, kata tugas dan kata ganda. Manakala dalam aspek ayat, pelajar lemah dalam kemahiran membina struktur-struktur ayat majmuk gabungan, majmuk relatif, majmuk keterangan dan majmuk campuran



Daripada segi pembelajaran BM pula, didapati ramai pelajar (79%) belajar di kelas persediaan selama antara 3-5 jam sehari. Baki 21% lagi belajar kurang daripada 3 jam sehari. Sebanyak 87% pelajar belajar sendiri antara 1-5 jam seminggu atau kira-kira 42 minit sehari selain belajar di kelas persediaan.

Seterusnya, kajian ini juga mendapati kebanyakan pelajar membuat latihan-latihan TB dengan kekerapan 'kadang-kala', yakni kekerapan antara 1-2 kali sebulan.

Adalah terbukti bahawa pelajar masih lemah penguasaan TB BM. Keputusan kajian mempunyai implikasi kepada strategi pengajaran dan pembelajaran BM di sekolah-sekolah.

Abstract of thesis submitted to the Senate of University Pertanian  
Malaysia as partial fulfilment of the requirements for  
the degree of Master of Science.

**ANALYSIS OF MALAY GRAMMATICAL ERRORS  
AMONG STUDENTS IN RELIGIOUS SECONDARY SCHOOLS**

By

**MUHAMMED SALEHUDIN AMAN**

**APRIL 1993**

Chairman : Professor Abdul Hamid Mahmood, Ph.D.

Faculty : Educational Studies

This study attempts to obtain information on Malay errors made by Form Four Malay students from two Secondary Religious Schools in Malacca. The objective of the study was to identify the types and the frequency of grammatical errors made by these students.

Two methods were used to obtain data, viz., by asking students to write two compositions in order to determine morphological and in syntax errors, and by administering a questionnaire that was designed to obtain information on how students learn Malay.

The result of the study showed that students made 2,402 mistakes out of the 300 compositions written and containing not less than 45,000 words. On the average, each student made 32.4 errors, that is, 18.8 errors in morphology and 13.6 errors in syntax. The average error for every student in each composition was 16.2.





Out of the 2,402 grammatical errors made, 1,946 (81.0%) of these errors were morphological and another 456 (19.0%) errors are syntactical. Male students made 1,319 (54.9%) errors, while female students made 1,083 (45.1%) errors. Male students made 1,063 errors in morphology and 256 in syntax. Female students made 883 syntactical errors. Results of the t-test showed a significant difference in the errors made by both groups of students.

Students from the low socioeconomic status (SES) made the most errors, 1,213 altogether. However, results of the ANOVA showed no significant difference among student from the three socioeconomic groups.

Among the BM Proficiency (BMP) groups, the highest frequency was from the high BMP group who made 1,320 errors out of 2,402 errors. Results of the ANOVA did not show any significant difference among the various BMP groups.

Five common morphological errors were evident, namely, prefixes and suffixes, pronouns, auxiliary verbs and plural forms. The common syntactical errors were in constructing compound and complex sentences. Students were weak in constructing combined compound sentence, relative compound sentence, explanatory compound sentence and mixed compound sentence.

In terms of time input for studying Malay, it is found that majority (79.5%) of students learned BM for about three to five hours a day. The remaining 21% of them studied Malay for less than 3 hours daily. About 87% of the students studied on their own between one to five hours per week, which is approximately 42 minutes a day, apart from learning in the preparatory class.

Subsequently, this survey also showed that majority of students did their grammatical exercise occasionally, that is, once or twice a month.

From the findings of this study, it can be concluded that these students were still weak in their Malay grammar. The results of the study has implications on the language teaching and learning strategies in secondary schools.

# **BAB I**

## **PENDAHULUAN**

### **Latar Belakang**

Pendidikan Bahasa Melayu (BM) Sekolah Menengah bertujuan memberi pelajar pemahaman tentang sistem bahasa serta unsur dan nilai yang didukungnya. Pelajar dididik melahirkan fikiran dan perasaan tentang ilmu pengetahuan, hal persendirian dan kemasyarakatan dalam konteks rasmi, tak rasmi melalui lisan dan penulisan.

Salah satu matlamat pendidikan BM sekolah menengah adalah untuk memungkinkan pelajar memahami sistem BM daripada segi bentuk, makna dan fungsinya. Dengan itu, pelajar dapat menggunakannya dengan tepat dalam kehidupan harian.

Penekanan terhadap pentingnya tatabahasa (TB) sebagai asas sistem bahasa dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) disenaraikan dalam kecekapan berbahasa dalam Sukatan Pelajaran BM (SPBM) sekolah menengah. Dengan demikian, apabila para pelajar menamatkan pendidikan mereka secara formal, seharusnya mereka sudah dapat menguasai kemahiran berbahasa yang baik seperti yang dikehendaki. Harapan ini wajar kerana setiap pelajar yang menamatkan pendidikan Tingkatan Lima telah mengalami pendidikan BM secara formal tidak kurang daripada sebelas tahun. Dalam tempoh lebih satu dekad itu para pelajar seharusnya dapat memenuhi matlamat pendidikan BM.

Namun begitu, matlamat seperti yang tersurat dalam SPBM KBSM itu kurang tercapai sepenuhnya, kerana pada setiap kali keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dikeluarkan setiap kali pula pernyataan rasmi dibuat tentang kemerosotan prestasi BM di kalangan pelajar. Kemerosotan prestasi ini berpunca daripada kesalahan bahasa pelajar dalam jawapan kertas BM mereka. Kesalahan bahasa pelajar ini terjadi secara menyeluruh di sekolah-sekolah dalam aspek kemahiran lisan dan penulisan (Hamdan Abdul Rahman, 1980). Kesalahan bahasa tulisan pelajar berkisar dari masalah kesalahan ejaan hingga kepada masalah kesalahan morfologi (kata) dan sintaksis (ayat) (Awang Sariyan, 1980).

Bentuk-bentuk kesalahan kata dan ayat tersebut dilakukan oleh pelajar secara menyeluruh dalam peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran (SRP), dan SPM, tidak kira mereka yang bersekolah di sekolah menengah biasa, di sekolah menengah kebangsaan agama (SMKA) atau di sekolah-sekolah menengah swasta. Kesalahan-kesalahan bahasa pelajar itu menjadi punca pencapaian yang rendah dalam mata pelajaran BM, dan sekaligus, menyebabkan kemerosotan prestasi BM pelajar.

Kemerosotan prestasi BM di peringkat kebangsaan, berkaitan juga dengan kemerosotan prestasi BM di SMKA yang dikaji kerana keputusan pencapaian BM SMKA, sedikit sebanyak, mempengaruhi keputusan pencapaian BM di peringkat kebangsaan. Analisis prestasi BM di kedua-dua SMKA yang dikaji ini ditunjukkan dalam Jadual 1 dan 2.

Jadual 1

Analisis Keputusan Bahasa Malaysia  
Peperiksaan SRP 1988-1990

Sekolah	Tahun	A1-A2	C3-C6	P7-P8	Jumlah
SMKA Sultan Muhammad	1988	70 (50.3%)	69 (49.6%)	-	139
	1989	78 (53.3%)	63 (44.7%)	-	141
	1990	54 (41.2%)	76 (58.01%)	1 (0.8%)	131
SMKA Sharifah Rodziah	1988	57 (43.5%)	72 (55.0%)	2 (1.5%)	131
	1989	101 (72.1%)	39 (27.9%)	0	140
	1990	85 (60.3%)	56 (39.7%)	0 141	

Sumber: Unit Peperiksaan Jabatan Pendidikan Negeri Melaka

Jadual 2

Analisis Keputusan Bahasa Malaysia  
Peperiksaan SPM 1988-1990

Sekolah	Tahun	A1-A2	C3-C6	P7-P8	Jumlah
SMKASM	1988	1 (1.6%)	47 (73.4%)	16 (25.0%)	64
	1989	9 (14.7%)	46 (75.4%)	6 (9.8%)	61
	1990	20 (20.4%)	69 (70.4%)	9 (9.2%)	98
SMKASR	1988	15 (20.3%)	56 (75.7%)	3 (4.05%)	74
	1989	35 (48.6%)	36 (50.0%)	1 (1.4%)	72
	1990	35 (37.6%)	57 (61.3%)	1 (1.1%)	93

Sumber: Unit Peperiksaan Jabatan Pendidikan Negeri Melaka

Daripada Jadual 1, peratus cemerlang di SMKA Sultan Muhammad (SMKASM), pada tahun 1990, merosot sebanyak 12.1% daripada tahun 1989 (53.2%-41.2%), walaupun peratus kepujian mencatatkan 58%, yakni peningkatan sebanyak 13.3% daripada tahun lalu. Di SMKA Sharifah Rodziah (SMKASR), pada tahun 1990, peratus cemerlang merosot sebanyak 11% daripada tahun 1989 (72.1%-60.3%), tetapi peratus taraf kepujian meningkat sebanyak 11.3%. Walaupun di kedua-dua SMKA tersebut mencatatkan peningkatan pada taraf kepujian, namun perubahan ini tidak menggambarkan suatu peningkatan mutu yang membanggakan kerana peratus taraf cemerlang merosot.

Analisis keputusan peperiksaan SPM 1990 pula menunjukkan SMKASM meningkat sebanyak 5.7%, pada taraf cemerlang, (20.4%-14.7%), tetapi peratus taraf Kejujian merosot sebanyak 5% (75.4%-70.4%) daripada tahun 1989. Di SMKASR pula, peratus kelulusan taraf cemerlang, pada tahun 1990, merosot sebanyak 11% (48.6%-37.6%), tetapi peratus kelulusan pada taraf kepujian bertambah sebanyak 11.3% (61.3%-50.0%).

### **Penyataan Masalah**

Kajian tentang kesalahan bahasa di SMKA boleh dikatakan belum ada dilakukan. Seharusnya kajian seperti ini perlu dilakukan agar kelemahan penggunaan BM dapat dielakkan.

Berdasarkan analisis keputusan BM peperiksaan SRP 1988-1990 (Jadual 1) dan peperiksaan SPM 1988-1990 (Jadual 2), didapati prestasi BM pelajar di kedua-dua buah sekolah ini tidak menggalakkan. Hal ini

memaparkan hakikat bahawa pelajar Melayu di sekolah ini belum dapat menguasai BM dengan baik dan berkesan. Oleh yang demikian, pengkaji berasa perlu membuat penyelidikan tentang kelemahan penguasaan BM pelajar SMKA bagi melihat daerah kelemahan BM, khususnya TB mereka.

### **Kepentingan Kajian**

Kajian tentang penguasaan TB BM di kalangan pelajar Tingkatan Empat ini penting atas sebab-sebab berikut:

Pertama, hasil penyelidikan ini akan dapat menjelaskan daerah-daerah dan jenis-jenis kesalahan bahasa yang sering dilakukan oleh pelajar Malayu Tingkatan Empat di SMKA. Dengan demikian, kajian ini akan dapat membantu guru-guru bahasa dalam merancang strategi pengajaran BM yang lebih baik dan berkesan. Corder (1973:256) dengan jelas mengatakan bahawa kesilapan yang dilakukan oleh pelajar merupakan unsur penting dalam sistem pengumpulan maklum balas sebagai hasil daripada proses pengajaran dan pembelajaran. Maklum balas daripada analisis itu dapat dijadikan dasar untuk guru merangka pelbagai strategi daripada kaedah, pendekatan dan teknik pengajaran serta menentukan berapa banyakkah latihan yang perlu diadakan dalam bilik darjah.

Kedua, Kajian ini dapat membantu para penyelidik yang berminat dengan pengajaran dan pembelajaran BM di sekolah-sekolah menengah.

Ketiga, kajian ini mungkin dapat menolong pihak pembuat dasar, terutama pihak yang terlibat dengan penyusunan kurikulum BM sekolah menengah.

Keempat, kajian ini juga akan dapat memberikan sumbangan ilmiah terhadap penyelidikan yang akan datang.

Dengan yang demikian, dapat disimpulkan bahawa melalui analisis kesalahan, kita berupaya meninjau tingkat keupayaan dan prestasi bahasa pelajar, mengetahui masalah linguistik dan psikologi yang dihadapi oleh mereka. Dengan itu, dapatlah difikirkan suatu strategi pengajaran yang lebih praktis dan berkesan.

### **Soalan-soalan Kajian**

Berdasarkan objektif kajian, kajian ini akan mencuba menjawab soalan-soalan yang berikut:

1. Apakah jenis-jenis kesalahan TB BM, iaitu kata dan ayat, yang paling kerap dilakukan oleh pelajar dalam karangan?
2. Apakah jenis-jenis kesalahan TB BM yang dilakukan oleh pelajar dalam karang 1 dan karangan 2?
3. Adakah terdapat perbezaan tentang kesalahan-kesalahan kata BM dalam karangan berdasarkan jantina, status sosio-ekonomi (SSE) tinggi, sederhana dan rendah, dan taraf pencapaian BM (PBM) tinggi, sederhana dan rendah?



4. Adakah terdapat perbezaan tentang kesalahan-kesalahan ayat BM dalam karangan berdasarkan jantina, SSE (tinggi, sederhana, rendah) dan PBM (tinggi, sederhana, rendah)?
5. Bagaimanakah kekerapan pembelajaran dalam aspek-aspek TB mempengaruhi kesan terhadap penguasaan TB BM pelajar?

### **Objektif Kajian**

Kajian ini dilakukan untuk mencapai objektif-objektif yang berikut; iaitu untuk

1. menentukan jenis kesalahan TB (kata dan ayat) pelajar Melayu Tingkatan 4. Pelajar ini adalah kumpulan pertama mengikuti sukatan pelajaran BM KBSM yang mula dilaksanakan pada tahun 1987;
2. mengenal pasti kekerapan kesalahan TB BM yang dilakukan oleh pelajar dalam karang 1 dan karangan 2;
3. menentukan kekerapan kesalahan TB bagi setiap jenis kesalahan yang dilakukan;
4. menerangkan perbezaan kesalahan TB daripada segi pembolehubah bebas (klasifikasi), iaitu jantina, SSE (tinggi, sederhana, rendah) dan PBM (tinggi, sederhana, rendah);
5. mengenal pasti kekerapan pembelajaran dalam aspek-aspek TB BM dan kesannya terhadap penguasaan TB BM pelajar;